

13/11/2000

Tindakan Ezam umpama gadai negara sendiri

Dr A M Taufik Ghazali

ADALAH jelas bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri tidak acuh dengan cacian peribadi Ketua Pemuda Parti Keadilan, Mohd Ezam Mohamad Noor, terhadap beliau. Sebaliknya, Perdana Menteri lebih kesal dengan tindakan Ezam melobi untuk mengenakan tekanan ekonomi ke atas Malaysia.

Sebelum tindakan biadap terhadap negara ini oleh tujuh ahli kongres Amerika Syarikat digerakkan, Ezam dilaporkan sudah pun bertemu dengan wakil kanan Senator Jesse Helms, penaja kepada Akta Pembebasan dan Setiakawan Cuba 1996 atau Helms-Burton Act. Ezam sebenarnya memilih pakar sekatan ekonomi Amerika untuk membela bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Namun, apakah Ezam sedar implikasinya? Sekatan sebenarnya adalah pendekatan pertengahan dalam menangani sesuatu krisis antarabangsa. Ia lebih keras daripada bantahan lisan tetapi lebih lembut daripada tindakan ketenteraan. Artikel 39 Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memberi mandat kepada Majlis Keselamatan PBB untuk mengenakan sekatan hanya ke atas negara yang terbukti menggugat keselamatan dunia demi mengekalkan keamanan dan kestabilan.

Malangnya, sekatan sebelah pihak oleh Amerika kerap menyimpang daripada matlamat PBB. Menurut USA Engage, sebuah gabungan korporat dan perdagangan Amerika, sejak empat tahun kebelakangan ini, Amerika sudah mengenakan 61 sekatan sebelah pihak yang membabitkan 35 negara serta 42 peratus daripada penduduk dunia. Motif tindakan ini lebih kepada kepentingan politik dan ekonomi Amerika dan bukannya bagi kesejahteraan dunia.

Di Cuba, sekatan Amerika seperti Helms-Burton Act menindas kanak-kanak dan golongan marhain yang tidak berdosa. Pada 1997, Persatuan Kesihatan Dunia Amerika (AAWH) sendiri melaporkan bahawa sekatan ke atas import ubat-ubatan menafikan kemudahan rawatan kepada pesakit tenat. Tukaran wang asing yang terhad menyukarkan pembelian alat ganti lalu memburukkan lagi masalah kemudahan kesihatan awam di Cuba.

Namun, penderitaan rakyat Iraq yang dizalimi oleh sekatan antarabangsa tajaan Amerika, adalah jauh lebih memilukan. Tragedi di Iraq, menurut Tabung Kanak-Kanak PBB (Unicef), membunuh lebih 4,500 kanak-kanak yang berumur kurang dari lima tahun setiap bulan. Ia berpunca daripada wabak penyakit serta kekurangan ubat-ubatan dan makanan berzat, kesan kehancuran ekonomi Iraq.

Malangnya, ada pihak yang buta kepada segala bukti kesengsaraan ini dengan mendakwa bahawa sekatan ekonomi ke atas Malaysia, jika terhad kepada bidang tertentu, tidak akan membawa petaka. Alasan mereka ialah ada banyak jenis sekatan antarabangsa dari ekonomi dan diplomatik hinggalah kepada ketenteraan, kebudayaan dan lain-lain. Bagi mereka, sekatan bijak (smart sanctions) mampu mencapai matlamat politik pada kos kemanusiaan yang minimum.

Namun, ia satu alasan dongeng yang mengerikan. Iraq sendiri adalah mangsa teori sekatan bijak ini, di mana program minyak untuk makanan tajaan PBB kononnya bagi mengelakkan tragedi kemanusiaan gagal. Bagi Malaysia pula, sekatan ke atas pelaburan langsung atau eksport barangan ke Amerika, akan menyebabkan perusahaan ditutup dan rakyat biasa menganggur. Lantaran Amerika adalah 21 peratus daripada pasaran eksport negara, kekurangan sumber wang asing akan menyukarkan import bahan makanan, peralatan dan ubat-ubatan, yang kini masih bergantung dari luar.

Adakah berbaloi segala kesengsaraan ini? Bagi Ezam dan tali barutnya, ia

wajar demi Anwar. Mereka mengharapkan sekatan untuk mencetuskan kegawatan ekonomi yang akan memaksa kerajaan akur kepada tuntutan asing bagi membebaskan Anwar.

Namun, mereka hanya `bermimpi pada siang hari'. Ia satu andaian muflis seperti yang diakui sendiri oleh Marc Bossuyt dalam laporan lengkapnya kepada Pra-Suruhanjaya Promosi dan Perlindungan Hak Asasi PBB pada Jun lalu. Ini kerana di Iraq dan Cuba, sekatan adalah `senjata makan tuan' yang hanya mengukuhkan kedudukan Saddam Hussein dan Fidel Castro serta menyemarakkan lagi sentimen anti-Amerika di kalangan rakyat negara terbabit.

Ezam berhak bersuara di mana jua, namun beliau bukan politikus jagoan tetapi sebenarnya seorang anarkis kebudak-budakan yang rela mengganyang rakyat di negara sendiri demi dendam kesumatnya terhadap Dr Mahathir.